

17/03/1999

PM terharu terima ucapan tahniah

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan perasaan terharu dan mengucapkan terima kasih kepada mereka yang mengirinkan ucapan tahniah kepadanya berikutan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya negeri Sabah, baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, Perdana Menteri turut meminta maaf kepada semua pihak kerana tidak dapat membalas ucapan tahniah itu.

Bagaimanapun, kenyataan itu menyebut bahawa Dr Mahathir selaku Pengerusi BN ingin menyatakan penghargaan atas sokongan yang diberikan kepada beliau dan kerajaan.

Dalam pilihan raya pada 12 dan 13 Mac lalu, BN memenangi 31 daripada 48 kerusi yang dipertandingkan, manakala Umno memenangi semua 24 kerusi yang diperuntukkan kepadanya.

(END)